

CANDAZOLE V CREAM

Clotrimazole 2.0% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Candazole V Cream
2. Bagaimana Candazole V Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Candazole V Cream
4. Cara menggunakan Candazole V Cream
5. Semasa menggunakan Candazole V Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole V Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Candazole V Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan Candazole V Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemesyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Candazole V Cream

Candazole V Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat di faraj dan melegakan kegatalan dan kerengsaan di sekeliling faraj wanita.

Jangkitan kulat ini boleh menyebabkan gejala-gejala berikut:

- Kegatalan faraj
- Kesakitan faraj

- Masalah lelehan berwarna putih yang tidak berbau daripada faraj
- Kesakitan semasa membuang air kecil

Bagaimana Candazole V Cream berfungsi

Ubat ini mengandungi *Clotrimazole* yang merupakan ejen antikulat. Ia meresap ke dalam kitin (bahan keras yang membentuk dinding sel pada sesetengah kulat) dan meningkatkan keboleh telapan dinding sel untuk pelbagai bahan intrasel (bahan-bahan di dalam sel kulat). *Clotrimazole* menghalang transformasi *blastospores* (spora yang dihasilkan oleh kulat melalui proses pertunasan) kepada bentuk miselium invasif (bahagian vegetatif kulat yang berupa jalur dan bercabang, seperti hifa kulat) pada *Candida albicans*.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Candazole V Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Candazole V Cream sekiranya anda mempunyai alahan kepada:

- Ubat-ubatan yang mengandungi Clotrimazole atau bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini

Sebahagian daripada tanda-tanda tindak balas alahan boleh termasuk bengkok, ruam, gatal-gatal atau gatal pada kawasan di mana rawatan telah digunakan.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan yang disenaraikan di atas, bincang dengan ahli farmasi anda.

-Sebelum menggunakan Candazole V Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya:

- Jika anda mempunyai alahan kepada rawatan topikal lain
- Jika anda hamil atau mencuba untuk mengandung

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Candazole V Cream. Jika anda telah memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda, ikut arahan mereka dengan berhati-hati.

Jika anda sedang menyusukan anak, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Candazole V Cream supaya mereka dapat berbincang dengan anda tentang manfaat dan risiko.

Ia adalah tidak diketahui sama ada ada bahan aktif, *Clotrimazole* dirembes ke dalam susu ibu.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda guna, termasuk ubat-ubatan yang perlukan preskripsi dan tidak perlukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada jenis interaksi ubat dengan Candazole V Cream telah dilaporkan.

Cara menggunakan Candazole V Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Gunakan Candazole V Cream seperti yang ditetapkan oleh doktor or ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Cuci tangan anda sehingga bersih sebelum menggunakan krim atau aplikator. Krim ini lebih baik dimasukkan pada waktu malam, hanya sebelum tidur dengan menggunakan satu aplikator. Menggunakan sebelum tidur akan memberi kesan rawatan yang terbaik.

Menggunakan aplikator yang baru bagi setiap dos.


CANDAZOLE V CREAM

Clotrimazole 2.0% w/w


Panduan Penggunaan Candazole V Cream:

A) Memenuhi aplikator dengan krim

- Dengan menggunakan bahagian tajam di hadapan penutup, cucuk hujung tertutup tiub Candazole V Cream. Sambungkan aplikator kepada tiub.



- Picot tiub dan tarik pelocok aplikator pada masa yang sama sehingga ia berhenti. (Ini akan memuatkan aplikator sepenuhnya).
- Keluarkan aplikator yang telah diisi dan tutup tiub.




B) Penggunaan Candazole V Cream

- Angkat sebelah kaki lebih kurang ketinggian 8-10 inci (e.g. dengan memijak bangku rendah) dengan peha dijarakkan sedikit.
- Pegang aplikator yang telah diisi dengan tangan yang bertentangan dengan kaki yang dinaikkan. Rehatkan badan dan bengkok sedikit, masukkan aplikator ke dalam faraj dengan perlahan-lahan.

C) Memasukkan aplikator

- Tolak aplikator perlahan-lahan sehingga ia sampai ke laluan faraj.
- Sewaktu di posisi ini, tekan aplikator dengan lembut sehingga semua krim dikeluarkan ke dalam laluan faraj.
- Keluarkan aplikator dari faraj perlahan-lahan dan luluskan aplikator dengan cara yang selamat.



-Berapa lama perlu digunakan

Untuk merawat jangkitan kulat di faraj. Dengan menggunakan aplikator pakai buang, masukkan Candazole V Cream sekali setiap hari, perlahan-lahan dan sedalam yang mungkin ke dalam faraj, sebaik-baiknya sebelum tidur, selama 3 hari berturut-turut.

Untuk melegakan gatal-gatal di sekeliling faraj, sapukan jumlah yang kecil Candazole V Cream ke kawasan yang terjejas dua kali sehari selama 7 hari. Untuk mencegah jangkitan semula, rakan (seksual) perlu dirawat dengan Candazole V Cream pada masa yang sama walaupun tiada tandanya jangkitan.

-Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda mengingatinya. Kemudian kembali ke kursus biasa anda. Terus menggunakan krim sehingga tempoh rawatan yang disarankan. Tiub sebanyak 20g mengandungi krim yang mencukupi untuk 3 dos. Jangan menggunakan dos tambahan bagi dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja menggunakan terlalu banyak, pergi berjumpa doktor anda serta-merta.

Semasa menggunakan Candazole V Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan. Dapatkan nasihat doktor jika gejala tidak hilang dalam tempoh 7 hari, atau menjadi teruk dalam tempoh 3 hari rawatan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Candazole V Cream untuk merawat kawasan lain kecuali dimaklumkan oleh doktor anda.

Jangan memberi rawatan anda kepada orang lain, walaupun jika anda mengesyaki mereka mengalami keadaan yang sama.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini sehingga anda telah menyelesaikan kursus rawatan.

Jika anda tiba-tiba berhenti menggunakan ubat ini, keadaan anda mungkin menjadi lebih teruk.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk Kegunaan Luar Sahaja. Elakkan sentuhan dengan mata. Jika sentuhan berlaku, basuh dengan air secukupnya. Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan tetap produk ini seperti yang diarahkan, sila jumpa doktor.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Candazole V Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapatkannya. Seperti semua ubat, beberapa orang mungkin alah kepada krim.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati kesan sampingan yang berikut:

- Segelintir pengguna dan rakannya (seksual) yang menggunakan krim yang mengandungi clotrimazole akan berasa sakit pada bahagian abdomen atau perut atau kerengsaan pada kulit.

Jika mana-mana perkara di atas berlaku, rawatan perlu dihentikan.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

CANDAZOLE V CREAM

Clotrimazole 2.0% w/w

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my
(Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole V Cream

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Simpan ubat di tempat yang selamat dan jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Candazole V Cream adalah krim putih legap dengan sejenis bau yang mengandungi *Clotrimazole 2% w/w* dan *Benzyl Alkohol 1% w/w* sebagai pengawet.

Candazole V Cream boleh didapati dalam bentuk tiub dengan penutup yang mengandungi 25g krim.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Setiap 25g mengandungi 2% w/w *Clotrimazole*.

-Bahan tidak aktif:

Benzyl alcohol, Sorbitan monostearate, Octyldodecanol, Cetostearyl Alcohol, Polysorbate 60, Xanthan Gum, Cetyl Palmitate, Glycerin, Purified water.

-Nombor MAL:

MAL09051237AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

-14/04/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)140415/00065